

19/08/2000

Sambutan merdeka guna budaya tradisional

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berharap unsur-unsur kebudayaan tradisional diterapkan ketika negara menyambut Bulan Kemerdekaan.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir berkata Seri Paduka menyarankan agar unsur kebudayaan seperti memasang pelita minyak tanah diadakan semula, terutama di kawasan kampung.

"Masyarakat Cina pula digalak memasang tanglung sebagai menyahut saranan Seri Paduka," katanya selepas melancarkan program Semarak Kibaran Jalur Gemilang sempena Bulan Kemerdekaan anjuran Persatuan Pengusaha Teksi, Kereta Sewa dan Limousin Pahang barat, Wilayah Persekutuan dan Selangor (Perpekli) di Istana Budaya, hari ini. Hadir sama, Presiden Perpekli, Aslah Abdullah.

Sambutan Bulan Kemerdekaan dan kempen Jalur Gemilang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka, semalam. Sambutan Bulan Kemerdekaan berlangsung selama sebulan mulai 17 Ogos hingga 16 September.

Sehubungan itu, Abdul Kadir meminta rakyat menurunkan bendera parti politik di kediaman masing-masing dan menggantikannya dengan Jalur Gemilang bagi memeriahkan lagi sambutan Bulan Kemerdekaan.

Beliau berkata, inilah masa yang sesuai untuk rakyat melupakan fahaman politik masing-masing dan berbangga dengan pencapaian negara.

"Jalur Gemilang adalah milik rakyat yang menjadi kemegahan negara. Justeru dalam sebulan ini, kita turun bendera parti politik dan ketepikan perbezaan politik serta bersatu untuk memperkukuhkan keharmonian negara," katanya.

Abdul Kadir berharap kempen Jalur Gemilang dapat menyemai semangat patriotik dan cintakan negara di kalangan generasi baru.

"Inilah simbol untuk kita menyatukan masyarakat, di samping memupuk nilai murni dan semangat cintakan negara kepada generasi muda," katanya sambil meminta sektor swasta mengibarkan bendera di pejabat dan premis perniagaan.

Beliau berkata, rakyat juga boleh mengibarkan bendera di kenderaan masing-masing.

"Kita mahu bas, teksi, kereta, motosikal, bot dan kapal memasang bendera sepanjang sebulan ini supaya seluruh negara berada dalam suasana kemerdekaan," katanya.

Beliau turut mengingatkan peniaga supaya tidak mengambil kesempatan menaikkan harga bendera, sebaliknya menggalakkan kempen itu dengan menjual lebih banyak Jalur Gemilang supaya orang ramai dapat mengibarkan bendera di kediaman masing-masing.

Katanya, dalam sebulan ini, rakyat juga disaran mengurangkan kegiatan harian yang lain.

"Kalau boleh, kita mahu rakyat membabitkan diri dalam program Bulan Kemerdekaan terutama upacara keagamaan yang diatur pada minggu terakhir sebelum 31 Ogos," katanya.

Dalam ucapannya, Abdul Kadir menasihatkan pemandu teksi supaya memberi layanan yang baik kepada pelancong kerana mereka adalah golongan yang pertama ditemui pelancong.

"Berilah layanan yang baik kepada pelancong serta anggaplah mereka sebagai tetamu di rumah kita sendiri," katanya.

(END)

